


Jenis Akhbar : Berita RTM

Tarikh : 15/06/2020

Edisi / Muka Surat : <http://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : 1,800 outlet koperasi disasar sertai program BA 100

1,800 outlet koperasi disasar sertai program BA 100



BENTONG, 15 Jun - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) mensasarkan 1,800 outlet koperasi seluruh negara berada di bawah Program Pembekalan Barangan Asas 100 (BA 100) sehingga akhir tahun ini.

Sasaran itu mampu menjana urusan sebanyak RM18 juta sebulan yang memberi manfaat kepada kira-kira 6.2 juta ahli koperasi di seluruh negara.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, walaupun baru dilancarkan September tahun lalu, sehingga kini pihaknya sudah menerima pendaftaran 1,430 koperasi yang ingin menyertai BA 100 tapi masih belum diluluskan berikutan kekangan wabak COVID-19.

Koperasi yang memohon terpaksa menunggu kelulusan lesen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana ia membabitkan penjualan barangan kawalan seperti gula, beras, tepung dan minyak masak.

Namun, setakat ini, sebanyak 164 koperasi telah diluluskan pendaftaran dan menjalankan urusan di outlet masing-masing dan hasil jualan dari Januari hingga Mei tahun ini, mencatatkan urusan sebanyak RM1.3 juta.

Urusniaga dijangka terus meningkat kerana lebih banyak koperasi akan membuat jualan setelah mendapat lesen dari KPDNHEP kerana tertangguh akibat penularan COVID-19.

Pada masa ini, ANGKASA menawarkan kredit barangan sebanyak RM10,000 sebulan kepada setiap koperasi yang menyertai BA 100 melalui Jimat Biz.

ANGKASA juga akan mempertimbangkan untuk memberi kredit sehingga RM30,000 kepada mana-mana koperasi yang berdaya maju dan membuat bayaran balik mengikut jadual.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan ke Koperasi Peneroka Felda Mempaga 3, Bentong, Pahang yang menjadi koperasi Felda pertama yang mendaftar menyertai BA 100 dan telah beroperasi.